

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA INSURANS KENDERAAN BERMOTOR
(BAHAYA-BAHAYA PIHAK KETIGA)) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Bahaya-Bahaya Pihak Ketiga)) (Pindaan), 1998.

Pindaan bab 3
dari Penggal 90.

2. Bab 3 dari Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Bahaya-Bahaya Pihak Ketiga) adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memotong "\$1,000 dan penjara selama 6'' dan menggantikannya dengan "\$10,000 dan penjara selama 12''.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Jamadilawal Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 19 haribulan September, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 29

PEMBETULAN

PERINTAH DARURAT (AKTA PENCEGAHAN RASUAH) (PINDAAN), 1998

Perintah Darurat (Akta Pencegahan Rasuah) (Pindaan), 1998 yang telah disiarkan sebagai pemberitahuan *Warta Kerajaan* Bil. S 16 Tahun 1998 dalam *Warta Kerajaan* Bahagian II Bil. 14 bertarikh 23hb. Jun, 1998, dalam bahagian Melayu perkataan-perkataan "Akta Mencegah Rasuah" hendaklah dibaca sebagai "Akta Pencegahan Rasuah".